

Headline	FRIM diiktiraf antarabangsa		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	12	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,688
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,064



FRIM diiktiraf antarabangsa

PENCAPAIAN Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) semakin mendapat perhatian dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Terbaru, institut tersebut menerima Anugerah Antarabangsa Socrates Bagi Hadiah Enterprise Cemerlang (Pencapaian Saintifik dan Penyelidikan Gunaan) 2011 daripada Perhimpunan Perniagaan Eropah (EBA).

Pada majlis yang sama, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod turut menerima anugerah Anugerah Antarabangsa Socrates Bagi Pengurus Tahun ini (Pencapaian Saintifik dan Penyelidikan Gunaan) 2011.

FRIM dipilih untuk menerima anugerah tersebut berdasarkan kemampuan, kecemerlangan, pencapaian dan profesionalismenya dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang perhutanan dan hasil hutan tropika.

Sementara itu, anugerah yang diterima oleh Dr. Abd. Latif adalah berdasarkan usaha gigih beliau mengubah sistem dan tradisi kerja di FRIM yang lebih mengarah kepada transformasi sistem penyampaian penyelidikan dan profesionalisme sains.

FRIM dan Dr. Abd. Latif

merupakan agensi dan individu pertama dari Malaysia yang menerima anugerah tersebut.

Anugerah Antarabangsa Socrates yang diberi oleh EBA bertujuan menghargai usaha pembangunan intelektual masyarakat.

Institut tersebut baru-baru ini juga menerima anugerah Anugerah Jenama Selebriti untuk kategori Pendidikan Selebriti 2011 bagi Jenama Terbaik dalam bidang Perhutanan dan Pemuliharaan Alam Sekitar yang juga merupakan pengiktirafan kecemerlangan dalam penjenamaan korporat.

Antara lain, FRIM juga telah memenangi anugerah *Association Early Childhood Providers Malaysia (APECP), Excellent Child Contributor Award 2009/2010* sebagai destinasi pendidikan alam sekitar yang mesra kanak-kanak.

Seterusnya menerima anugerah Nikkei Asia Award 2009 bagi sumbangan kepada usaha pemulihan alam sekitar di rantau Asia serta Anugerah Sains Mahathir 2009 bagi sumbangan FRIM kepada pembangunan industri perabot melalui penyelidikan penggunaan kayu getah tempatan.